

USIM anugerahi Abdul Shukor Profesor Ameritus

MANTAN Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Prof Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin (**gambar**), dianugerah Prof Ameritus dan disempurnakan Canselor USIM, Tuanku Ampuan Najihah Tunku Besar Burhanuddin, pada Majlis Konvokesyen USIM, baru-baru ini.

Anak kelahiran Jerantut Pahang itu ialah lulusan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang Akidah dan Falsafah Islam, Universiti al-Azhar al-Sharif, Mesir,

Beliau menerajui Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad), Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Ahli Majlis Kebangsaan Islam, Jabatan Perdana Menteri, Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Ahli Lembaga Tabung Haji, Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Pengerusi Panel Syariah Tabung Haji, Ahli Lembaga Penasihat Pensijilan Halal,



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Pengerusi Lajnah Tashih (Lembaga Semakan Pakar Tafsir, Jakim).

Timbalan Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia beribu pejabat di Arab Saudi, sekaligus menjadi wakil Malaysia dalam badan berkenaan.

Beliau berjaya menerbitkan lebih 10 buku dan jurnal tempatan serta antarabangsa. Penulisan terakhirnya *Akidah dan Falsafah Islam* diterbitkan USIM dan kertas kerja *al-Ijtihad al-Jamai* dibentangkan pada Muzakarah Ahli-ahli Fatwa Asean.